

# UMS mahu pelajar nikmati pembelajaran seiring keperluan industri

UB 7-9-2019 8

Oleh Yap Siong Han

**SANDAKAN:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha untuk memastikan para pelajar menikmati setiap detik pembelajaran di UMS serta mempersiapkan mereka selaras dengan keperluan industri pada hari ini.

Naib Canselor UMS Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, perkara itu antara keutamaan pihak universiti seperti yang terkandung dalam Bidang Keberhasilan Utama (KRA), Pelan Strategik UMS 2018 - 2022 iaitu

Meningkatkan Pengalaman Holistik Pelajar.

"Kitamahu menjana graduan yang lebih berkualiti sekali gus menjadi universiti yang mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

"Justeru, adalah menjadi harapan UMS agar setiap pelajar juga dapat memberikan sepenuh tumpuan kepada pembelajaran serta sentiasa berusaha menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran yang terbuka luas di gedung ilmu ini," katanya ketika berucap pada Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar Baharu

Fakulti Pertanian Lestari, UMS Sandakan, semalam

Teks ucapan beliau dibacakan Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Menurut Taufiq, para pelajar perlu memanfaatkan setiap ruang dan peluang yang telah disediakan untuk bekalan tambahan dalam kehidupan selepas bergelar graduan kelak.

Beliau mengingatkan para pelajar agar menyisihkan amalan-amalan negatif seperti malas, suka bertangguh, ponteng kelas dan sebagainya

sebelum ia mendatangkan mudarat yang lebih berat pada masa hadapan.

"UMS akan terus membuka peluang untuk anda menggapai impian, menunjuk jalan ke arah kecemerlangan.

"Ikhlaskan hati, teguhkan tekad kerana di sini lahirnya cinta ilmu, cinta iman dan citra bakal pemimpin negara pada masa hadapan," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Dekan FPL Prof. Dr. Abdul Hamid Ahmad dan kakitangan akademik dan pentadbiran fakulti berkenaan.



**RAKAMAN FOTO:** Marcus (belakang, tengah) mengambil gambar bersama pelajar baharu FPL UMS Sandakan. Turut kelihatan Hamid (belakang, dua kanan).